

Headline	Lakukan ujian, dapatkan rawatan HIV		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	18 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A10	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,471
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,414



Lakukan ujian, dapatkan rawatan HIV

Kerajaan sediakan rawatan dan kemudahan kesihatan percuma di seluruh negeri

KOTA KINABALU: Semua pihak terutamanya yang terdedah atau berisiko dijangkiti HIV digesa agar melakukan ujian pengesanan dan seterusnya mendapatkan rawatan secara percuma di klinik atau kemudahan kesihatan kerajaan di seluruh negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Aman berkata, kerajaan memberikan sepenuh komitmen dan sokongan dalam usaha memastikan langkah-langkah pencegahan dilaksanakan meliputi seluruh masyarakat.

Beliau berkata, usaha itu termasuk menyediakan pelbagai kemudahan seperti skop pengesanan kes, pencegahan jangkitan, rawatan dan juga sokongan.

“Pada masa yang sama,

kerajaan juga menyediakan ujian saringan meliputi ujian saringan praperkahwinan, ujian HIV bagi ibu mengandung, ujian terhadap kontrak pesakit HIV dan lain-lain di semua fasiliti klinik kesihatan dan hospital kerajaan secara percuma.

“Justeru, bersama-samalah kita mencapai sasaran ke arah negara bebas virus HIV...kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat penting termasuk kerajaan, anggota kesihatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat keseluruhannya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena perasmian sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Sabah 2014, di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Perse-

kutuan Sabah, kelmarin. Teks ucapannya disampaikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Radin Malleh.

Pada majlis itu, Radin yang mewakili Musa turut menyempurnakan pelancaran Bandaraya Kota Kinabalu menuju sifar HIV pada tahun 2020.

Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Datuk Abidin Madingkir berkata, objektif utama projek itu adalah untuk memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan HIV atau AIDS.

“Usaha ini melibatkan komitmen dan usaha bersepadu beberapa agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan setempat.

“Tujuannya adalah untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan dalam Deklarasi ASEAN menuju sifar jangkitan HIV baharu, sifar diskriminasi dan sifar kematian AIDS pada tahun 2011,” katanya.

Dalam pada itu, statistik menunjukkan bahawa kes pertama di Sabah dilaporkan pada tahun 1991 hingga September 2014 adalah melibatkan sebanyak 1,982 kes HIV, 734 kes AIDS dan 291 kematian berlaku di negeri ini.

Manakala dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2014 (Jan-Sept), sebanyak 191 lagi kes baharu jangkitan HIV turut dilaporkan di negeri ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah Kesihatan Sabah Dr Christina Rundi.



KOMITMEN: Radin (dua kanan) bersama tetamu kehormat lain merasmikan sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Sabah 2014, di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, kelmarin.